

MAHATHIR - PAS

1983

TEMERLUH, 2 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENSIFATKAN DESAKAN SEBUAH PARTI POLITIK YANG MEMINTA BEBERAPA ORANG BEKAS TOKOH PARTI ITU SUPAYA MENGOSONGKAN KERUSI PARLIMEN DAN DEWAN NEGERI MASING-MASING SEBAGAI SATU ALASAN "UNTUK MENDAPATKAN DUIT."

PERDANA MENTERI BERKATA DESAKAN ITU DIBUAT KERANA PUCUK PIMPINAN PARTI ITU MAHU BERTANDING UNTUK KERUSI YANG AKAN DIKOSONGKAN SEMATA-MATA UNTUK MENDAPATKAN WANG DAN BUKAN UNTUK MEMPERJUANGKAN NASIB RAKYAT.

"CAKAP SAHAJA NAK BERTANDING KERANA NAK DAPAT DUIT ELAUN WAKIL RAKYAT DAN JANGAN MENGGUNAKAN HELAH KONONNYA UNTUK MEMBERI SUMBANGAN KEPADA RAKYAT," TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT KE-31 PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN TEMERLUH DI MAJLIS DAERAH DI SINI.

SUNGGUHPUN BELIAU TIDAK MENYEBUT NAMA PARTI ITU TETAPI JELAS IA DITUJUKAN KEPADA PAS YANG TELAH MELULUSKAN USUL DALAM MUKTAMARNYA MEMASUKI PARTI LAIN MENGOSONGKAN KERUSI MASING-MASING YANG DIMENANGI SEBAGAI CALON PAS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO MEMBIDAS PARTI BERKENAAN KERANA SERING MENYALAHTAFSIRKAN PERLEMBAGAAN "MENGIKUT SESUKA HATI SENDIRI" SEHINGGA MENIMBULKAN BERBAGAI-BAGAI MASALAH DI KALANGAN UMAT MALAYSIA. 15/50/II

MAHATHIR - PAS 2 TEMERLUH

"KALAU DALAM MUKTAMAR SENDIRI MEMBUAT TAFSIRAN TIDAK BETUL DI KALANGAN MEREKA, BAGAIMANA MEREKA NAK MEMBUAT TAFSIRAN KEPADA PERLEMBAGAAN SEPERTI YANG DIJALANKAN OLEH UMNO YANG MENTADBIR SELURUH NEGARA INI," TAMBAH BELIAU.

BELIAU LALU MENYEBUT CONTOH BAGAIMANA PARTI ITU "BERCANGGAH" SAMA SENDIRI DALAM MEMBERI NAMA BARU KEPADA YANG DIPERTUA PARTI DALAM MUKTAMAR ITU.

"ADA YANG BANGKANG MENGGUNAKAN PERKATAAN PRESIDEN KONONNYA BERBAU INGGERIS DAN MENGGUNAKAN PERKATAAN INGGERIS TIDAK ISLAM, ADA PULA SEORANG PEMIMPIN YANG MEMPERSOALKAN MENGAPA PERKARA TITIK-BENGIK SEPERTI ITU DIPERBESARKAN."

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI JELAS MENUNJUKKAN TIDAK ADANYA PERSEPAKATAN DI KALANGAN MEREKA SENDIRI.

MENGENAI KONSEP ULAMAK PARTI BERKENAAN BELIAU MENGULANGI KENYATAAN NYA DI JITRA SEMALAM BAHAWA KUASA ULAMAK SEBAGAI PENENTU DALAM SEMUA PERKARA YANG DIAMALKAN OLEH PARTI ITU CUMA MERUPAKAN SATU MUSLIHAT GOLONGAN TERTENTU UNTUK MENJADI PEMIMPIN PARTI.

-- LAGI 1655/II  
ZCZC B587

MAHATHIR - PAS 3 TEMERLUH

PERDANA MENTERI BERKATA ULAMAK PARTI ITU LEBIH TINGGI KEDUDUKANNYA DARIPADA JAWATANKUASA AGUNG DAN YANG ANEHNYA PULA MEREKA DIPILIH OLEH JAWATANKUASA AGONG PARTI.

"JADI SAYA SENDIRI KELIRU, YANG MANA LEBIH TINGGI, YANG MEMILIH ATAU YANG DIPILIH OLEH JAWATANKUASA AGONG PARTI", TANYA BELIAU DENGAN DISAMBUK GELAK KETAWA PARA PERWAKILAN.

"MUJURLAH DI TEMERLUH TIDAK ADA ORANG JENIS INI. DI TEMPAT SAYA, KUBANG PASU ADA, TETAPI MEREKA CUMA MUNCUL MENGGUNAKAN ISLAM SEMASA DEKAT PILIHANRAYA... TETAPI TAK APALAH INI MEMANG TABIAT MEREKA, CUMA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI." -- BERNAMA 1658/II